

AMARAN KEPADA CALON-CALON NAIB PRESIDEN

Jangan bertanding berpasangan—Dr. M

UM 12 NOV 1990

KUALA LUMPUR 11 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada calon - calon Naib Presiden UMNO supaya jangan bertanding secara berpasangan atau dalam kumpulan kerana bimbang amalan itu boleh menghancurkan parti.

Presiden UMNO itu menegaskan, strategi pertandingan serupa itu menjelang perhimpunan agung akhir bulan ini adalah salah satu amalan tidak sihat yang mesti dihindari oleh semua calon.

Lain - lain amalan yang tidak sihat, menurut beliau termasuklah mengadakan majlis - majlis jamuan ma-

Oleh
Aziz Ishak

kan, menggunakan wang dan menggunakan pegawai serta badan - badan kerajaan seperti KEMAS dan Jabatan Penerangan.

Dengan nada yang lebih keras beliau meminta para perwakilan UMNO pada perhimpunan agung itu supaya menolak mana - mana calon yang diketahui menggunakan amalan - amalan yang tidak diinginkan itu.

"Kalau saya dapati ada yang berbuat demikian, saya akan mendedahkan mereka kepada umum," tegasnya semasa bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Kebangsaan di Stadium Tun Razak di sini tengah hari ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, pemilihan Naib Presiden mestilah berasaskan kepada rekod kerja sebagai anggota parti dan kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, beliau terpaksa memberikan amaran itu kerana tidak mahu cara kempen yang tidak sihat akan mengakibatkan UMNO hancur sebagaimana yang menimpa parti itu pada pemilihan tahun 1987.

"Betapa pentingnya ahli UMNO jangan menyokong cara yang tidak sihat. Orang yang guna cara yang tidak sihat akan guna cara yang serupa dalam parti.

"Tahun 1987, saya tengok macam mana orang yang guna cara tidak sihat, bila dia kalah dia guna macam - macam cara sehingga sanggup membunuh parti.

"Jadi kalau kelakuan macam ini, maka hancurlah parti," tegas beliau.

Menjawab satu pertanyaan, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau telah mendengar adanya amalan yang tidak sihat sekarang ini sebagai strategi untuk calon -

LIHAT MUKA 2

calon mencapai kemenangan UMNO 1.2 NOV 1998

"Saya nampak unsur - unsur sudah ada, macam tahun 1987," katanya.

Menurutnya, beliau tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap calon - calon yang didapati menggunakan amalan yang tidak sihat melainkan mereka melanggar peraturan atau perlembagaan parti.

Bagaimanapun, tegas beliau, sebagai presiden parti, beliau boleh memberi nasihat dan jika perlu akan mendedahkan kepada umum tentang gejala itu dengan "cara yang tidak menunjukkan kepada sesiapa."

Dato' Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa soal berapa ramai yang bertanding bagi merebut jawatan itu tidak menjadi masalah tetapi yang membimbangkan ialah menggunakan kempen cara tidak sihat misalnya mengadakan majlis jamuan makan.

"Kita telah lihat pada tahun 1987 di mana satu pihak itu menggunakan wang, menggunakan tekanan, mengawal pengundi sehingga tidak boleh keluar. Ini tidak baik untuk parti," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua calon

yang bertanding tidak mengadakan majlis - majlis jamuan.

Menjawab satu lagi pertanyaan, Perdana Menteri berkata, UMNO tidak pernah membenarkan mana - mana calon berkempen dengan mengadakan jamuan makan.

Dalam perebutan jawatan Naib Presiden pada perhimpunan kali ini, tiga tokoh akan mempertahankan jawatan itu.

Mereka ialah Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Haji Wan Mokhtar Ahmad, bekas Menteri Pertahanan, Dato' Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Menteri Pendidikan, Dato' Sri Anwar Ibrahim.

Selain penyandang jawatan itu, mereka yang mengesahkan untuk bertanding ialah Menteri Pertanian, Dato' Sri Sanusi Junid, Menteri Luar, Dato' Abu Hassan Omar, Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik, Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib.

Dalam pemilihan yang diadakan pada April 1987, Tan Sri Wan Mokhtar menduduki tempat teratas dengan 935 undi, diikuti Dato' Abdullah (879 undi) dan Dato' Sri Anwar (850 undi).